



KembaraSufi
Travel & Tours Sdn Bhd

LET'S
60
TRAVEL

PULAU PERHENTIAN

Beautiful Terengganu

**PAKEJ
LENGKAP
ALL IN**

HARGA BERMULA

RM924

3 HARI 2 MALAM

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN. BHD.

ITINERARI PULAU PERHENTIAN

Hari 1: Ketibaan dan Aktiviti Awal di Pulau Perhentian

Perjalanan bermula di Kuala Besut, di mana para peserta akan mendaftar di pejabat jualan Anjung Holidays sebelum bertolak menaiki bot ke resort di Pulau Perhentian. Setibanya di resort, peserta akan menikmati makan tengah hari yang disediakan. Pada sebelah petang, terdapat pilihan untuk menyertai aktiviti snorkeling tambahan bagi meneroka keindahan dasar laut sekitar pulau. Pada waktu malam, makan malam akan disediakan dan peserta boleh berehat untuk persediaan hari berikutnya.

Hari 2: Snorkeling dan Aktiviti Bebas

Hari bermula dengan sarapan pagi yang disediakan di resort. Selepas itu, peserta akan menyertai trip snorkeling utama yang membawa mereka melihat keindahan terumbu karang dan berpeluang melihat penyu di perairan sekitar. Selesai aktiviti, makan tengah hari akan dihidangkan. Baki hari ini adalah masa bebas untuk peserta melakukan aktiviti sendiri seperti berjalan di pantai, berenang atau sekadar bersantai. Makan malam disediakan pada sebelah malam.

Hari 3: Persediaan Pulang ke Kuala Besut

Pada hari terakhir, peserta akan menikmati sarapan pagi dan membuat persiapan untuk bertolak pulang ke jeti Kuala Besut. Pemergian dari resort akan dilakukan sama ada dengan bot pada awal pagi atau tengah hari, bergantung kepada jadual yang ditetapkan.

PAKEJ TERMASUK

- ✓ Penginapan selama 2 malam
- ✓ 6 kali hidangan (2 sarapan pagi, 2 makan tengah hari & 2 makan malam)
- ✓ Pemindahan bot pergi dan balik
- ✓ 1 trip snorkeling termasuk sewaan
- ✓ Topeng, snorkel, jaket keselamatan &
- ✓ Pemandu bot
- ✓ Caj pemuliharaan taman laut: RM30/dewasa & RM15/kanak-kanak)
- ✓ Deposit sewaan peralatan snorkeling sebanyak RM10/orang (akan dipulangkan pada hari terakhir)

PAKEJ TIDAK TERMASUK

- ✗ Perlindungan insurans
- ✗ Pengambilan dari Lapangan Terbang Kota Bharu pada kadar RM35/orang/sehala (minima 2 orang)
- ✗ Caj Majlis Daerah: RM20/dewasa
- ✗ Caj tambahan (cuti sekolah): RM50/pax



POLISI PEMBAYARAN & PEMBATALAN PAKEJ

1. Tempahansah selepaspembayarandepositdilakukan ke dalam akaun syarikat.
2. Bayaran penuh hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya 40 hari sebelum tarikh berangkat. Sekiranya pihak KSTTSB tidak menerima bayaran penuh dalam tempoh yang ditetapkan, maka atas budi bicara dan kuasa penuh KSTTSB berhak untuk tidak memulangkan deposit dan membatalkan tempahan.
3. Pembatalan pakej peserta hendaklah dimaklumkan melalui saluran rasmi KSTTSB sama ada melalui surat, PIC yang bertugas atau email.
4. Jika KSTTSB menerima notis untuk pembatalan tempahan/penukaran pakej 45 hari atau lebih sebelum tarikh berlepas, yuran pentadbiran minimum sebanyak RM50.00 atau 2% daripada pakej pelancongan (mengikut yang lebih tinggi) seorang akan dikenakan.
5. Jika notis pembatalan diterima 44 hari atau kurang sebelum tarikh berlepas, sila rujuk pada Jadual 7 Akta Pelancongan 1992.
6. Jika tiket penerbangan telah dibeli, atau tempahan hotel dan lain-lain telah dibuat, kos nilai harga perlu ditanggung oleh peserta 100%.
7. Pertukaran tarikh, tambahan (fare&tax) dan sebagainya adalah tanggungan peserta.

INFO PENTING

1. Pasport yang sah dan tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh penerbangan.
2. Para peserta hendaklah membuat semakan terlebih dahulu jika ada berkaitan dengan senarai hitam ke luar negara.
3. Pihak KSTTSB tidak akan bertanggungjawab di atas urusan senarai hitam para peserta. Pembayaran pakej yang dibuat tidak akan dikembalikan sekiranya ia berlaku.
4. Perubahan masa penerbangan, jenis penerbangan tertakluk kepada perubahan semasa.
5. Harga pakej juga tertakluk kepada perubahan kadar matawang semasa dan caj tambahan ketika musim puncak(Peak Season). Pihak KSTTSB akan membuat makluman awal nanti sekiranya berlaku perubahan harga pakej.
6. Resit pembayaran hendaklah disertakan sebagai bukti pembayaran deposit/penuh trip.
7. Bayaran deposit/penuh pakej hanya boleh dibuat melalui akaun Maybank rasmi syarikat atas nama KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD sahaja. Tiada orang tengah yang diwakilkan untuk mengutip sebarang bayaran pakej.

Slip pembayaran perlu dihantar ke email / whatsapp selepas selesai bayaran dibuat.

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD



5621-0663-0695

Perhatian:-

- Sekiranya membuat pembayaran secara online, anda wajib menyerahkan resit bukti pembayaran kepada pihak kami melalui email atau wasap dan resit tersebut harus di tulis di atasnya dengan nama, tarikh trip dan no ic anda.